

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Program Penanaman Pokok Sempena Hari Landskap Negara 2002



Hari Landskap Negara telah diisytiharkan pada setiap 3 Mac, merupakan lanjutan kepada Kempen Menanam Pokok yang telah disempurnakan pada 3 Mac 1997.

Sempena dengan Sambutan Hari Landskap Negara 2002 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Program Penanaman Pokok telah diadakan pada 30 Mac 2002 dan dilancarkan oleh YB. Datuk Pandikar Amin Bin Haji Mulia, Menteri Di Labatan Perdana Menteri bertempat di Taman Rimba Kuala Lumpur.

Sempena Hari Landskap Negara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan

program menanam pokok di tujuh kawasan Pentadbiran Pejabat Cawangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, iaitu Damansara (Taman Rimba Kuala Lumpur), Setapak, Kepong, Sri Petaling, Kelang Lama, Bandar Tun Razak dan Pusat Bandar (bersebelahan Institut Jantung Negara).

YB. Datuk Pandikar Amin di dalam ucapan beliau pada hari pelancaran, menyeru semua pihak tidak kira agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO mahupun orang perseorangan supaya bersama-sama mengindahkan persekitaran masing-masing. Ini penting kerana dengan sokongan padu dari semua pihak, hasrat

menjadikan Malaysia Negara Taman Tercantik di dunia menjelang tahun 2020 akan menjadi kenyataan di samping menyokong menyemarakkan imej DBKL sebagai Bandar Raya Taman.

Secara keseluruhan lebih kurang 2000 batang pokok ditanam dalam tempoh sehari pada hari pelancaran.

Setiap pokok yang ditanam hari ini akan menentukan tahap persekitaran di zaman anak cucu kita pada masa akan datang.

Di Majlis Pelancaran ini, YB. Datuk Pandikar Amin telah menanam sebatang pokok bernama *Jacaranda*.



Rencana Pengarang

Vandalisme merupakan salah satu masalah yang melanda Bandar Raya Kuala Lumpur. Dari tahun ke tahun jumlah perbelanjaan untuk menampung kos pembaikpulihan, penggantian, pengubahsuaian, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang semakin bertambah.

DBKL sentiasa berusaha membasmi gejala musnah laku ini melalui pendidikan masyarakat, kempen kesedaran, kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta dan meningkatkan tindakan penguatkuasaan.

Secara psikologi perbuatan musnah laku ini lahir dari sikap yang negatif, mementingkan diri sendiri, tidak menghargai kebaikan dan bersikap 'take things for granted'. Sikap negatif ini menjadi subur jika masyarakat kurang berilmu, kurang beradab dan terdedah kepada budaya hidup bebas lepas dan cenderung kepada jenayah. Sikap ini harus dibanteras di kalangan warga kota melalui peranan setiap pihak samada ibubapa, sekolah, media massa, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, badan-badan masyarakat dan sebagainya. Kerjasama dan tindakan bersepadu perlu diwujudkan untuk menghasilkan kesedaran yang tinggi di kalangan warga kota tentang mustahaknya memelihara dan mengekalkan kebaikan semua kemudahan peralatan dan harta benda yang disediakan untuk manfaat semua pihak.

Kita semua harus sedar bahawa gejala musnah laku bukan sahaja menyusahkan orang ramai dan melibatkan peruntukan kewangan yang besar (yang sepatutnya boleh dibelanjakan untuk tujuan yang lain), tetapi turut menjejaskan imej Kuala Lumpur di mata dunia. Pelancong-pelancong dan pelawat yang berkunjung ke Kuala Lumpur akan membuat tanggapan yang buruk jika sering melihat perbuatan musnah laku di tandas-tandas awam, pondok telefon dan kemudahan orang ramai di taman-taman dan pusat rekreasi.

Tugas membasmi perbuatan musnah laku di Kuala Lumpur memerlukan kerjasama semua pihak. Hanya melalui kerjasama dan tanggungjawab yang tinggi oleh semua pihak, dapat mewujudkan suasana dan persekitaran hidup yang indah, bersih dan selamat.

Khidmat

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah,
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Pegawai Bertugas
Muhamad Bin Wahab Tel : 03-2697 7097

Penasihat

Siti Hajar Binti Othman

Ketua Editor

Zaini bin Mohd. Bin Hj. Mohd. Jain

Editor

Ariffaham Bin Ibrahim

Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Jurufoto

Mubarak Bin Mohd. Alan

Abd. Khani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Cetakan

Unit Repografi

Jabatan Pengurusan Organisasi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor

Berita Bandaraya

Bahagian Hal Ehwal Awam

Jabatan Pengurusan Organisasi

Tingkat 5, Bangunan DBKL


Atau berhubung dengan

Suriyana Binti Ismail

Tel.: 03-2691 6011 samb. 3851

Faks : 03-2694 1373

E-mel : akhbar@dbkl.gov.my



Cadangan Perubahan Sistem Jalan Sehala Di Jalan Air Tasek/Jalan Air Pusing Dan Jalan Air Cetek, Setapak

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan satu perubahan Sistem Laluan Sehala di sekitar Jalan Air Tasek/Jalan Air Pusing dan Jalan Air Cetek, Setapak yang bermula pada 6 April 2002.


Di dalam pergerakan baru ini, kenderaan yang

menggunakan Jalan Air Cetek akan menggunakan Jalan Air Tasek dan Jalan Air Pusing untuk ke Jalan Air Jerneh dan kawasan sekitarnya.

Para pemandu diminta untuk mematuhi segala arahan papantanda Lalu Lintas dan Tanda Garisan untuk memastikan

kelancaran perjalanan sistem yang dilancarkan pada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kekeliruan sewaktu ianya dilaksanakan.

Pihak DBKL berharap dengan terlaksananya perubahan ini, pergerakan kenderaan akan lebih lancar.



Pelan lokasi Cadangan Jalan Sehala